

04/11/1998

Meneroka kehijauan Tasik Kenyir

Fadzlena Jafar

ULU TERENGGANU: Pembinaan Empangan Kenyir di Terengganu siap pada 1985 dan membentuk kawasan tadahan air seluas 38,000 hektar bukan saja mampu menampung bekalan air untuk negara, tetapi turut melahirkan satu lagi destinasi pelancongan menarik.

Destinasi pelancongan yang kemudiannya dikenali sebagai Tasik Kenyir itu mengelilingi 340 pulau termasuk Pulau Besar atau Pulau Mahathir yang dinamakan sempena kunjungan Perdana Menteri ke tasik berkenaan.

Dengan keluasan kira-kira 260 hektar, tasik buatan manusia yang terbesar dan tercantik di Asia Tenggara itu mampu muncul sebagai destinasi pelancongan yang popular dan eksklusif.

Pada masa ini, perkhidmatan yang disediakan bagi pengunjung untuk melawat sekitar tasik itu ialah menggunakan bot.

Menerusi lawatan seumpama itu, pengunjung boleh menyaksikan sendiri dengan lebih dekat keindahan flora dan fauna di sekitar tasik itu, malah pengunjung juga berkesempatan merakam pemandangan yang indah dengan selesa.

Bagaimanapun, penggunaan bot mengambil masa yang lama untuk mengunjungi setiap pelusuk tasik berkenaan yang juga mempunyai 14 kawasan air terjun. Ada kalanya, tempoh masa yang lama ini menimbulkan kebosanan kepada pengunjung.

Sehubungan itu, Grand Missouri Sdn Bhd (Grand Missouri) dengan kerjasama Tasik Kenyir Golf Resort menyediakan satu lagi alternatif bagi pengunjung yang bercadang mengelilingi tasik itu dengan mudah dan cepat.

Alternatif yang dimaksudkan ialah menggunakan jet ski yang ditunggang sendiri pengunjung untuk meneroka kehijauan alam semula jadi dan juga kejernihan Tasik Kenyir.

Pakej pelancongan yang baru diperkenalkan ini adalah pertama kali ditawarkan di negara ini khusus buat pelancong yang inginkan kelainan meneroka tasik menggunakan kenderaan yang lebih laju dan selesa.

Menurut Pengurus Operasi Grand Missouri, Kumar Govindasamy, pakej terbabit bukan saja membolehkan pengunjung meneroka kawasan tertentu di tasik berkenaan, malah membolehkan pelancong menjimatkan masa untuk melawat beberapa kawasan menarik di tasik terbabit.

"Penggunaan jet ski sebagai aktiviti rekreasi khususnya di kawasan pantai sudah mula mendapat tempat dan menjadi popular sejak kebelakangan ini. Bagaimanapun, pengunjung hanya menggunakannya untuk seketika kerana tidak mempunyai tujuan khusus apabila menunggang di laut.

"Jadi, idea ini timbul bagi membolehkan mereka yang gemar menunggang jet ski meneroka keindahan Tasik Kenyir menggunakan pengangkutan yang paling cepat dan mudah," katanya.

Pakej pelancongan Tasik Kenyir PWC (Jet Ski) Adventure Tour ini menyediakan kemudahan lengkap untuk pengunjung yang bercadang bercuti bersama teman ataupun keluarga.

Selain pengembaraan yang menarik itu, pakej berkenaan turut menyediakan penginapan selesa di Tasik Kenyir Golf Resort. Kedamaian persekitaran pusat peranginan bertaraf antarabangsa yang dihiasi 150 chalet deluxe dan suite itu, pasti memberikan anda ketenangan kerana ia direka khas bagi memberi kepuasan kepada pengunjung.

Bagaimanapun, jumlah minimum untuk mengikuti pakej ini ialah lapan orang dan tidak melebihi 32 peserta bagi membolehkan mereka menikmati pengembaraan menarik menggunakan kenderaan air itu.

Sebagai keselamatan, setiap satu unit jet ski hanya ditanggung oleh dua pengunjung kerana pakej terbabit hanya menyediakan lapan unit jet ski bagi satu pengembaraan.

"Sebenarnya bukan mudah untuk mengawal penunggang jet ski yang ramai dalam satu masa memandangkan perjalanan yang akan diambil memakan masa satu hari suntuk sekiranya pengunjung memilih destinasi yang jauh seperti Petualang ataupun air terjun tertentu.

"Kami tidak membenarkan jumlah jet ski lebih dari lapan unit di tasik bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini seperti kemalangan atau pelanggaran antara satu sama lain," katanya.

Pengunjung juga akan diberi penerangan khas sebelum pengembaraan dijalankan supaya penunggang dapat mematuhi peraturan yang disediakan memandangkan tasik berkenaan mempunyai pelbagai jalan dan beratus-ratus pulau.

Menurut Kumar, sesi latihan selama setengah jam akan disediakan untuk pengunjung yang belum pernah menunggang jet ski bagi memudahkan mereka menyesuaikan diri.

Selain Kumar yang akan mengetuai pengembaraan berkenaan, dua pekerja terlatih yang menunggang jet ski setiap seorang akan bertindak selaku marshall turut serta dalam sesuatu perjalanan bagi menjamin keselamatan pelancong.

Oleh itu, pengunjung tidak perlu bimbang sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini, umpamanya sesat atau kerosakan enjin kerana asas keselamatan turut dititikberatkan dalam pakej terbabit.

"Kami mempunyai pekerja yang mahir dalam penggunaan jet ski dan mereka juga adalah warga tempatan yang mengetahui setiap selok-belok tasik ini. Selain itu, kami juga menyediakan sebuah bot pengiring yang akan membawa peralatan kecemasan dan boleh membawa penumpang.

"Sekiranya keadaan memerlukan, pelancong yang tidak mahu menunggang jet ski tetapi ingin mengikuti pengembaraan ini seperti kanak-kanak, mereka akan ditempatkan dalam bot laju ini," katanya.

Namun, bagi pengunjung yang mempunyai kanak-kanak kecil dan tidak bercadang membawa mereka mengikuti pengembaraan unik itu, Tasik Kenyir Golf Resort menyediakan Perkampungan Kanak-Kanak dengan pusat jagaan siang dan malam.

Pusat jagaan berkenaan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan tinggi turut menyediakan pelbagai kegiatan khas untuk kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun.

Pakej terbabit turut menyediakan bekalan makanan tengah hari, air minuman dan minyak yang mencukupi bagi pengunjung sepanjang perjalanan itu nanti.

Beberapa aspek keselamatan turut disediakan seperti jaket keselamatan, peti kecemasan dan alat pemadam api.

Bagaimanapun, pengunjung dinasihatkan memakai losyen sun block atau baju lengan panjang bagi mengelakkan kulit terdedah kepada cahaya matahari dalam keadaan terlalu lama.

Kemudahan lain yang turut disediakan di pusat berkenaan seperti aktiviti sukan termasuk beberapa gelanggang tenis, karaoke dan yang paling penting, restoran berhawa dingin dengan hidangan makanan yang menyelerakan.

Restoran berkenaan turut menyediakan ruang makan di bahagian luar khusus untuk pengunjung yang ingin menikmati hidangan sambil menghirup udara segar dan permandangan indah Tasik Kenyir.

Sekiranya anda berminat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pakej percutian ini, anda boleh menghubungi Kumar di Tasik Kenyir Golf Resort, Terengganu menerusi talian 09-666 8888 atau Grand Missouri (03-441 2205).

(END)